



# **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN BENGKEL PENYEDIAAN GARIS  
PANDUAN TAPAK PEMPROSESAN SISA PEPEJAL /  
BAHAN BINAAN BAGI TUJUAN KITAR SEMULA**

## **OLEH**

**YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL  
SINGH**

AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN, KERAJAAN  
TEMPATAN DAN PERANCANG BANDAR&DESA

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**09 APRIL 2021 (JUMAAT)**  
**8:30 PAGI**

**IXORA HOTEL  
JALAN BARU PERAI**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan  
Perancangan Bandar & Desa

**Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengurus Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang  
dan Alam Sekitar

**Yang Berbahagia Dato' Ar. Yew Tung Seang**

Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai dan  
Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Mahmud**

Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berbahagia Dato' Ir Addnan bin Mohd Razali**

Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Setiausaha Bahagian,  
Ketua Penolong Setiausaha Kanan,  
Pegawai-Pegawai Kanan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau  
Pinang,  
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) dan  
Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT)

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai  
Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**Para peserta bengkel**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdullilah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berkumpul pada pagi ini ini dalam Bengkel Penyediaan Garis Panduan Tapak Pemprosesan Sisa Pepejal / Bahan Binaan Bagi Tujuan Kitar Semula. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selaku pengajur bengkel.

Saya berasa syukur dan bangga kerana program bengkel ini dijalankan dengan memastikan tatacara atau norma baru dalam perjalanan bengkel dalam menanggani isu pandemik COVID-19. Yang pasti, kita tidak boleh berasa selesa kerana setiap hari masih terdapat kes-kes baru yang terjadi. Justeru, untuk memastikan Pulau Pinang kembali dalam zon hijau, marilah sama-sama kita mengamalkan norma baru dalam kehidupan kita dengan penjarakkan sosial dan memakai pelitup muka serta *hand sanitizer*.

Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal

Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa dan Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar kerana sudi hadir untuk menyempurnakan majlis dan program bengkel ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada para peserta bengkel; Yang Berbahagia Dato' Ar. Yew Tung Seang, Datuk Bandar Pulau Pinang; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP dan MBPP; Yang Berusaha Setiausaha Bandaraya MBSP dan MBPP; Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, warga kerja MBSP dan MBPP; dan Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agenzi Kerajaan yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam mendapatkan maklumat serta membuat penambahbaikan ke atas Garis Panduan Tapal Pemprosesan Sisa Pepejal / Bahan Binaan bagi Tujuan Kitar Semula.

MBSP meletakkan Pendekatan 7Ps (***People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet dan Partnership***) sebagai titik tolak untuk memberikan yang terbaik. MBSP sentiasa bergerak dalam satu pasukan dan akan sentiasa meletakkan kehendak warga Seberang Perai di

hadapan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk kesejahteraan dan kemakmuran penduduk agar sentiasa dekat di hati. Seberang Perai akan ke arah menjadi sebuah bandar yang mampan dan lestari kerana didokong oleh sikap bersedia melakukan perubahan, bersatu hati dan berganding bahu.

**Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan  
Yang Dihormati Sekalian,**

Pembuangan **sisa pukal** yang terdiri daripada perabot lama, sampah kebun (dahan pokok, daun-daun dan rumput), perkakasan rumah dan lain-lain sampah yang bersaiz besar; dan **sisa binaan** yang terhasil daripada aktiviti pembinaan, pengubahsuaian, perobohan, penggalian tanah, pembinaan bangunan, pembersihan tapak, pembinaan jalanraya dan pembaikan bangunan-bangunan yang rosak, di beberapa kawasan khususnya di tepi-tepi jalan telah menjadi *trend* di kalangan pihak-pihak tertentu sebagai langkah alternatif untuk memudahkan kerja dan tenaga.

Isu pembuangan sisa, terutamanya sisa binaan menjadi sangat ketara akibat kepesatan pembangunan industri pembinaan di Malaysia, khususnya di Seberang Perai. Kajian di tapak pembinaan telah mengenal pasti enam

jenis sisa pembinaan yang kerap dihasilkan di tapak pembinaan iaitu kayu (69.10%), konkrit (12.32%), logam (9.61%), bata (6.54%), plastik (0.43%), dan lain-lain (2%) [kaca, lekapan paip dan elektrik, jubin dan lain-lain]. Walaupun, secara amnya, sisa binaan hanya merupakan 0.4% daripada keseluruhan sisa buangan pepejal, tetapi sisa-sia binaan adalah bersaiz besar, tidak dapat dipadatkan dan sukar dihancurkan, serta akan memakan ruang yang luas.

Buat masa ini, di Seberang Perai, sisa binaan telah ditetapkan untuk dibuang di Tapak Pelupusan Ampang Jajar (TPAJ). Anggaran sisa binaan, sisa korekan dan sisa pukal yg dilupuskan di TPAJ ialah 60,000 tan setahun. Walau bagaimanapun, pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dengan senang hati, mengambil jalan mudah dengan membuang sisa binaan secara haram di pelbagai tempat seperti kawasan berhampiran jalan raya dan tempat pembuangan sisa haram tanpa menghiraukan kesannya kepada alam sekitar. Mungkin dengan kaedah ini lebih menjimatkan kos berbanding dibuang ke tapak pelupusan sisa yang sah.

MBSP memandang serius tentang kes pembuangan sisa pukal dan sisa binaan secara haram yang masih berleluasa di Seberang Perai. Kita seharusnya mencari jalan alternatif untuk mengurangkan dan mengitar

semula sisa-sisa binaan dan juga sisa pukal. MBSP telah mengenal pasti sebanyak 35 lokasi hotspot pembuangan sampah haram di Seberang Perai yang kebanyakkannya terdiri daripada sisa binaan dan sisa pukal.

Memandangkan pencemaran alam sekitar berkaitan pelupusan sampah adalah di bawah bidang kuasa, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), MBSP telah mengambil beberapa langkah bagi mengawal pelupusan dan pembuangan sampah secara haram di bahu jalan atau kawasan-kawasan longgokan sampah haram iaitu:

- (i) Membuat siasatan di lokasi sampah haram dengan mencari bil serta alamat surat-menyurat yang dibuang dan kompaun dikeluarkan berdasarkan alamat pesalah. Sekiranya, pembuangan sisa haram dibuat di atas tanah individu, notis akan dikeluarkan kepada tuan tanah dan tindakan mahkamah akan diambil sekiranya tuan tanah tidak mematuhi notis yang diberikan;
- (ii) Mengeluarkan pemberitahuan tentang kesalahan ke atas individu atau syarikat yang dikenalpasti melakukan pembuangan sampah haram.

- (iii) Mengambil tindakan untuk memberhentikan dan menghapuskan segala kacau ganggu terhadap pemunya tanah dan pemilik berdaftar kenderaan yang membuang sampah.
- (iv) Menjalankan tindakan penguatkuasaan dengan melakukan rondaan dengan lebih kerap;
- (v) Memasang portable CCTV di kawasan hotspot bagi memantau dan mengawal kegiatan pembuangan sampah secara haram.

Tujuan pemasangan CCTV di lokasi-lokasi ini adalah:-

- a. untuk mengelakkan longgokan sampah di kawasan pasar awam.
- b. untuk memantau kesalahan jika terdapat sampah sisa binaan di buang di kawasan awam kerana sisa binaan ada kontraktor pelupusan binaan.
- c. Untuk mengelakkan pembakaran sampah dalam Tong Roro.

- (vi) Cadangan untuk menyenarai hitam kontraktor yang membuang sisa binaan secara haram; dan
- (vii) Sekiranya terdapat kekerapan kes pembuangan sisa binaan dan sisa pukal secara haram di atas tanah rizab kerajaan, langkah-langkah yang diambil adalah dengan membuat halangan sama ada memasang penghadang, pagar atau membuat parit untuk menghalang pihak yang tidak bertanggungjawab daripada melakukan pembuangan sampah secara haram.
- (viii) Menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) bagi menangani masalah pembuangan sampah haram di tanah milik kerajaan atau rezab sungai.
- (ix) Menuntut kos pembersihan yang dilakukan oleh MBSP ke atas pihak yang melakukan kesalahan tersebut.

Peruntukan undang-undang bagi mengawal pembuangan sampah secara haram adalah di bawah Seksyen 46 dan 47 Akta Jalan, Parit dan

Bangunan 1974 bagi kesalahan meletakkan barang di tempat awam / halangan; Seksyen 80 dan 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi kesalahan kacau ganggu; Seksyen 70A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 bagi kesalahan kerja tanah; dan Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap MPSP 1994.

**Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Bagi mencari satu kaedah penyelesaian terhadap aduan serta masalah berkaitan pembuangan sisa binaan tidak terkawal dan pembuangan sisa binaan terutamanya di kawasan perumahan, satu dasar baru telah diimplementasikan oleh MBSP bermula 1 Mac 2012.

Bermula pada tarikh penguatkuasaan tersebut, setiap premis perumahan yang mengubahsuai kediaman masing-masing perlu menyediakan tong sampah jenis ‘roro’. Pemilik atau kontraktor terlibat juga harus mengemukakan pelan pengubahsuaian serta membuat bayaran cagaran untuk setiap pelan bangunan sebanyak RM500.00 yang akan dikembalikan sekiranya pelan bangunan mengikut syarat-syarat pelan yang diluluskan.

Di samping itu, beberapa bayaran tambahan juga diperlukan iaitu bayaran cagaran untuk kebersihan tapak sebanyak RM250.00, bayaran permit sementara untuk perletakkan bahan binaan berjumlah RM250.00 serta bayaran permit pembuangan sisa binaan berjumlah RM100. Walau bagaimanapun, semua cagaran akan dipulangkan jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh MBSP.

MBSP juga menyeru agar pemilik kediaman mematuhi arahan dan dasar baru yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan masalah kebersihan sekaligus mencegah pencemaran daripada berlaku akibat daripada kecuaian pemilik kediaman yang degil dan pentingkan diri sendiri.

**Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan  
Yang Dihormati Sekalian,**

Bengkel hari ini adalah untuk menyediakan satu garis panduan Tapak Pemprosesan Sisa-Sisa Bahan Binaan bagi Tujuan Kitar Semula bagi mengatasi masalah longgokan sisa-sisa bahan binaan dan sisa pepejal di Kawasan Seberang Perai dan juga keseluruhan Pulau Pinang. Selain itu,

penyediaan garis panduan ini juga adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah tempat-tempat pemprosesan sisa-sisa bahan binaan di Pulau Pinang.

MBSP bersama-sama MBPP telah membangunkan dan menyediakan deraf bagi penyediaan garis panduan yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah tempat-tempat pemprosesan sisa-sisa bahan binaan di Pulau Pinang. Dalam memberikan perkhidmatan yang kolektif dan efisyen kepada warga Pulau Pinang, garis panduan yang diwujudkan seharusnya mampu digunakan oleh semua pihak di peringkat Negeri Pulau Pinang dan ianya bertepatan dengan tujuan bengkel penyediaan garis panduan yang diadakan pada hari ini. Usaha kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan Pulau Pinang dalam mewujudkan Garis Panduan Tapak Pemprosesan Sisa-Sisa Bahan Binaan bagi Tujuan Kitar Semula amatlah dihargai.

Proses penyediaan garis panduan ini pada peringkat permulaannya hanya dilakukan secara dalaman oleh MBSP dan MBPP. Walau bagaimanapun hari ini, dengan kerjasama Jabatan / Agensi luaran yang bersama-sama dalam menyumbang idea-idea yang beras dalam pembangunan akan memantapkan garis panduan ini.

Bengkel hari ini telah mensasarkan penglibatan hampir 90 peserta yang mewakili Ahli-Ahli Majlis MBSP dan MBPP, Setiausaha Bandaraya MBSP dan MBPP, Jabatan Teknikal Dalaman MBSP dan MBPP, Jabatan Teknikal Luaran termasuk Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kerja Raya, Pejabatan Daerah dan Tanah (SPU, SPT, SPS, Barat Daya dan Timur Laut), Jabatan Pengairan dan Saliran, dan PlanMalaysia.

Modul bengkel ini akan menumpukan kepada perbincangan, penyediaan serta pemurniaan Perbincangan Garis Panduan Tapak Pemprosesan Sisa Pepejal / Bahan Binaan Bagi Tujuan Kitar Semula dan penambahbaikan Garis Panduan Tapak Pemprosesan Sisa Pepejal / Bahan Binaan Bagi Tujuan Kitar Semula.

**Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Semenjak diisyiharkan status bandar raya pada 16 September 2019, MBSP tidak lagi menoleh ke belakang dan terus mengemudi organisasi ini dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai. Majlis Bandaraya Seberang Perai

pada hakikatnya berada di landasan yang tepat. Visi MBSP adalah Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi ke arah merealisasikan Seberang Perai sebagai bandaraya rendah karbon dan bandaraya pintar menjelang tahun 2022.

Hari ini, kita dapat lihat wajah bandar raya seiring dengan pembangunan yang semakin pesat. Dan pada setiap kesempatan itu juga, kita meneliti, mencari jalan penyelesaian, cuba merungkai kekusutan dan memandu arah jalan yang lebih baik buat seluruh warga bandar raya, terutamanya ketika mengharungi pandemik COVID-19 ini dengan norma-norma baru. Saya yakin MBSP dapat bingkas bangun dari keperitan serangan COVID-19. Marilah kita sama-sama tanamkan azam dan semangat untuk memperbaharui cara kerja kita, bersedia mental dan fizikal kita supaya kita akan bekerja dalam keadaan yang lebih cemerlang daripada sebelum ini.

Saya percaya bahawa kejayaan hanya akan datang dengan usaha. Dan usaha mampu dilipatgandakan dengan kerjasama berpasukan. Saya mengharapkan agar amalan kerja secara berpasukan yang diberikan oleh barisan ahli-ahli majlis dan warga kerja majlis bandaraya, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan serta pihak swasta dapat diteruskan dalam

memberikan pekhidmatan yang terbaik dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah kepada warga Seberang Perai.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh, Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, warga kerja MBSP, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agenzi Kerajaan, pihak swasta dan warga Seberang Perai dalam memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP, dasar-dasar baru MBSP dan Hala Tuju MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**” dapat direalisasikan pada tahun 2022.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta bengkel di atas komitmen serta sumbangan dalam bentuk percambahan idea untuk menjayakan bengkel ini. Saya berharap bengkel ini akan berjaya mencapai objektif utamanya.

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***

***Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.***